

AGENDA VATICAN ZAMAN BERZAMAN

SUMBER DARI: "DINAR EMAS"

Artikel ini ditujukan kepada anda, Lebih-lebih lagi sekiranya anda beragama Christian (Khatolic atau Protestan), Dan sebagai peringatan untuk Umat Islam seluruhnya... Samaada anda kini sudah berusia atau sedang meningkat remaja, yang pernah melintas di fikiran ialah, apakah yang sebenarnya telah berlaku di sekeliling kita... ???

Perlu meluangkan masa untuk membaca artikel berbahaya ini, yang amat berkaitan kenapa Khalifah Uthmaniah jatuh, kenapa sistem Dinar Emas yang hebat itu digantikan dengan sistem duit kertas,

Dan paling penting, kalau di zaman Nabi Muhammad pun dah ada manusia kantoj jumpa dengan Al-Masih Dajjal, maka saksikanlah, semua tanda-tanda sistem Dajjal di sekeliling kita adalah dari arahan siapa ya ???,

Bacalah sampai habis kerana anda akan kenal dan hendak tahu kenapa sampai sekarang ini, Dajjal tak lagi muncul-muncul sedangkan semua sistemnya sudah hampir sempurna,

Kepada pengguna FACEBOOK, berhati-hati dengan gambar anda kerana anda diawasi oleh THE HIDDEN HAND.

Semoga dengan kehadiran artikel dan kebangkitan DINAR EMAS dari bumi agung BANGSA MELAYU ini, Dapat meningkatkan keimanan anda kembali kepada tuhan yang 1, Dan mengingatkan diri manusia itu, Tentang kehadiran tanda-tanda alam yang berlaku sejak akhir-akhir ini.

Kepada anda yang berbangsa MELAYU lagi mewarisi agama ISLAM, anda merupakan umat terpilih untuk membangkit percikan PERANG DUNIA KE-3. Kerana apa, kerana di bumi anda inilah bangkit sistem matawang Islam. Iaitu sistem Dinar Emas yang bakal menjatuhkan empayar ekonomi YAHUDI.



Artikel di bawah adalah pengalaman peribadi saudara Zaim dari tanah Melayu. Selamat disusun rapi & kemas oleh seseorang dari Portal Dinar Emas. Salinan Artikel selamat' diabadikan di,

[Http://www.dinar-emas.com/vatican.html](http://www.dinar-emas.com/vatican.html)

Petikan cerita di bawah telah berlangsung di antara sahabat saya dengan jirannya. Dan perbualan ini berlaku dalam 2 sesi yang telah dihimpunkan menjadi 1 cerita yang panjang,

Kerana kurniaan dari tuhan dengan anugerah ingatan yang kuatlah, maka kisah ini diceritakan semula dengan tersusun.

Kalau perlu bagi anda untuk mengedarnya ke khalayak ramai, maka cetaklah artikel ini dan bincangkan dengan mana-mana pemimpin yang bersedia berkongsi pendapat, Itu pun kalau mereka mahu meluangkan masanya ataupun akhirnya anda akan menerima ejekan atau sindiran yang memalukan, Namun hakikat cerita yang bakal anda baca ini, benar-benar bakal menyebabkan anda tersentak dari lena yang panjang, samada anda sendiri seorang yang beragama Islam, atau tidak beragama, atau anda sendiri tidak beragama, kepada anda yang beragama Christian, perhatikan apa yang telah pemimpin anda lakukan...

Sahabat saya ini seorang yang beragama Islam & berbangsa Melayu dari Malaysia. Dan jirannya itu seorang Paderi tahap tertinggi tinggal di New York, yang amat rapat hubungannya dengan Paus & mempunyai talian yang rapat pula dengan (Vatican ~ Iluminati ~ Freemason ~ Knight of Templar).

Sahabat saya ini amat fasih berbahasa Inggeris seperti mana orang Nusantara fasih berbahasa Melayu, Oleh itu tidak menjadi masalah untuk memahami seni bahasa Paderi ini dalam bahasa Inggeris, Lalu disusun terjemahan ini kepada Bahasa Melayu yang mulia dan indah ini, Bahasa kerabat diraja..

Sebelum memulakan bacaan di bawah, Pada perenggan-perenggan yang tertentu, silalah skrol balik ke atas dan baca semula

ISTILAH ini bagi tujuan pemahaman:

Istilah Yang Wajib Anda Fahami Vatican

- pusat pemerintahan agama Christian (mazhab Roman Katolik).
- terletak di Rom.

Paus

- ketua agama Christian Sedunia,
- jawatan ini sekarang dipegang oleh manusia bernama Pope Benedict
- Benedict = bermaksud terakhir

Lucifer

- adalah nama lain bagi Iblis (seperti dalam catatan Al-Quran)
- beliau adalah makhluk dari kalangan makhluk berakal Jin
- dahulunya beliau bernama Azazil
- Azazil menjadi pegawai peringkat tertinggi di alam langit sehingga dapat memimpin malaikat
- keengganan Azazil sujud “tanda hormat” pada jasad manusia bernama Adam menyebabkan dia disumpah
- lalu Azazil ditarik nikmat pegawai terhebat dan menjadi sehina-hina makhluk berakal
- maka, Azazil = Iblis (adalah makhluk yang sama, sedangkan anak-anaknya bernama Syaitan)
- Iblis jumlahnya 1 makhluk sahaja, sedangkan syaitan berjumlah berbillion...

Anti Christ

- nama lain bagi Al-Masih Dajjal (gelaran oleh orang Islam)
- matanya telah buta sebelah (hari ini terkenal dengan symbol mata 1)
- bayang-bayang kehadirannya ialah (segitiga, mata 1, pyramid, singa)

Jesus

- nama lain bagi Al-Masih Isa (gelaran oleh orang Islam)
- akan diturunkan tak lama lagi (melalui tanda-tanda keringnya air tawar di Tasik Galilee)

Allah

- adalah tuhan kepada seluruh alam galaksi ini
- jumlahnya hanya 1 dan dialah satu-satunya tuhan yang wajib disembah
- tuhan itu tidak bersifat seperti makhluk (ada diajar dalam Islam)

Adam

- manusia pertama ciptaan Allah
- Hawa adalah nama perempuan pertama dan beliau adalah isteri Adam.

JESUIT PRIEST – Salah seorang paderi suruhan Paus.

The Last Pope – Pemimpin Vatican yang terakhir

Pope Roman Peter II – Dikatakan beliau akan perintah dunia ini dari Middle Earth, di Israel, bukan di Rom.

Cantus – adalah warisan 'Knight Templar'

Benidictine Order – salah 1 sistem kehidupan Dajjal yang dicorak oleh Vatican dan ramai mengamalkan secara tak sedar

New World Order – adalah 1 sistem global sedunia yang hampir semua Negara mempunyainya

Freemasonry

- salah 1 ejen sulit Al-Masih Dajjal di zaman modern,
- Dahulunya mereka ini dikenali sebagai Knight of Templar (ketika Perang Salib)

Zionis – adalah 1 bangsa puak kiri Yahudi yang mengatur dunia mengikut oder mereka termasuklah pemakanan, pakaian, budaya, hiburan, kewangan, dll lagi.

Bishop

– Salah seorang paderi peringkat tertinggi suruhan Paus.

Muhammad – Nabi~Rasul terakhir yang diturunkan untuk panduan manusia mengenal tuhan dan menjalankan hidup yang baik di alam dunia.

Salehuddin – Seorang Khalifah Islam yang hebat yang mengamankan seluruh dunia sehingga beratus-ratus tahun selepas mendapat kemenangan di Perang Salib.

Jacques de Molay – Orang suruhan Paus yang memiliki keupayaan luar biasa dari jangkauan manusia biasa

Kafir

– Manusia berakal yang tidak beragama Islam, tetapi tahu Islam itu wujud dan benar.....

– Kafir = murtad (sama erti)

– Murtad = keluar dari Islam (selepas tahu Islam itu benar)

Yahudi

– Manusia berbangsa Jews (dalam bahasa Inggeris)

– Yahudi adalah keturunan Nabi Ishak dari ibunya Sarah, iaitu isteri ke-1 Nabi Ibrahim.

– Yahudi yang percaya kepada tuhan yang 1 iaitu Allah dinamakan (ahli kitab)

– Yahudi merupakan bangsa paling zalim di dunia kerana itu banyak Nabi diturunkan kepada mereka supaya berubah

– Yahudi adalah bangsa yang tidak mempunyai tanah sendiri kerana itu bangsa ini merempat beribu-ribu tahun

– Akhirnya pada hari ini, Yahudi berjaya merampas tanah Palestin, untuk menanti ketibaan Al-Masih Dajjal.

– The Rulling State of The World will establish from Holy

Land, Jerusalem, Golden Age of Nabi Sulaiman...!!!

Al-Masih Mahdi

- Pemimpin akhir zaman, dia keturunan Nabi Muhammad.*
- Kebetulan, nama beliau ialah Muhammad Bin Abdullah. (mengikut banyak rekod hadis Sahih)*

Agama

- Adalah fahaman untuk penyembahan dan mengenal tuhan.*
- Hanya Islam sahaja diakui sebagai agama yang diredhoi di sisi Allah.*

SESI PENGENALAN:

Iblis adalah keturunan makhluk Jin dan merupakan musuh kepada makhluk manusia semenjak beliau dilaknat oleh Allah, akibat dari kesombongan beliau yang tidak mahu tunduk hormat kepada Nabi Adam.

Bermula daripada sangkaan buruk Iblis terhadap penciptaan Nabi Adam, sehinggalah akhirnya beliau menaruh dendam terhadap keturunan Nabi Adam (iaitu manusia hari ini) , dan berjanji untuk menyesatkan seluruh keturunan manusia ini sehinggalah ke hari kiamat. (hari itu akan tiba tak lama lagi melalui tanda-tanda di sekeliling kita)

Inilah musuh-musuh ALLAH yang tak pernah putus asa untuk menyesatkan keturunan manusia terutamanya Umat Islam (kerana penganut agama ini masih di jalan yang benar), dan di antaranya adalah Iblis, Syaitan, Dajjal dan kunci-kuncunya yakni Yahudi dan Nasrani.

*‘Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu, maka jadikanlah ia musuh (mu),
Karena sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak*

golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala'. Al-Quran Surah Al-Fathir Ayat 6

Di dalam surah lain pula Allah berfirman yang bermaksud:

"Iblis menjawab: "Kerena Engkau telah menghukum aku tersesat, aku benar-benar akan menghalang mereka daripada mengikut jalan Engkau yang lurus."Kemudian aku akan mendatangi mereka dari arah hadapan dan dari belakang, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan dapati kebanyakan mereka tidak bersyukur." Al-Quran Surah Al-a'raf Ayat 16-17

"Hai anak Adam ! Janganlah sekali-kali kamu dapat ditipu oleh syaitan, sebagaimana dia telah mengeluarkan kedua ibu-bapa kamu dari syurga, ia menanggalkan kedua-duanya pakaiannya untuk memperlihatkan kedua-dua auratnya. Sesungguhnya dia dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dari suatu tempat yang kamu tidak boleh melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpin bagi orang-orang yang tidak beriman". Al-Quran Surah Al Araf Ayat 27

DIALOG TEMUBUAL (BAHAGIAN 1/3):

Pernakah anda mendengar tentang The Last Pope ?

Pernakah anda mendengar tentang Pope Roman Peter II ?

Pernakah anda mendengar tentang Cantus ?

Pernakah anda mendengar tentang Benidictine Order ?

Di sini saya ingin berkongsi cerita & diharap dengan perkongsian ini sedikit sebanyak dapat membuka mata kita tentang apa yang sebenarnya sedang terjadi, pada masa sekarang & akan terjadi tak lama sahaja lagi...



" 2 minggu lepas semasa saya di New York, USA, terjadi 1 peristiwa yang telah mem-brainwash-kan saya, cerita nyer macam ni...."

Semasa saya dan pak cik bersiar2 di kota selepas singgah di

sebuah kedai, pak cik telah tercicir barang yang dia beli, saya pulak tunggu dia dekat kereta dan terasa nak berak pulak... tak tahan giler, nak cari tandas tanya orang ada dekat situ, balon je la kan... Gereja pun gereja la tumpang berak jer...

Rupanyer gereja tu ada buat satu ceremony, ada orang pakai jubah dan topi segitiga, tengok air muka macam Yahudi laknat jer...lantak ar... Bila sampai rumah pak cik aku, orang yang pakai jubah setan tu jadi jiran pulak... selang 2 rumah jer...

2 minggu aku dah spy dan tegur orang ni... takda apa2 pun hidup macam orang biasa jer... sampai la 1 topik perbualan tu...

AKU: saya ada nmpk pak cik kat gereja tu, tak nampak macam sembahyang, macam majlis konvo pulak..ada aper ?

BISHOP: oh! Yang tu...memang mjlis konvo utk paderi baru.. Dorang yang jubah putih tu JESUIT PRIEST

AKU: sapa tu bunyi macam best jer ? Good looking...macam educated jer... (jiran aku senyum sampai ke pipi, cam nak ketawa tapi x ketawa pun)

BISHOP: hmmm...orang Islam, 1000 orang ulama Islam baru bersamaan dengan 1 orang JESUIT PRIEST.

AKU: pasal apa pulak?

BISHOP: orang yang pandai, hebat yang ada name nyer di depan mereka professor, doktor dll tu..

Dengan kata2 yang hebat penuh ilmu dan fakta dan teori yang hebat2 tu ADALAH PERBUALAN HARIAN KAMI 700 TAHUN DAHULU... kemudian kami membuatkan bagaimana mahu hasilkan orang yang seperti professor, doktor dan mereka semua tu... Kebijaksanaan mereka tidak akan lari dari tujuan ilmu itu kami hasilkan... seluas mana pun ia berkembang ia sebenarnya di bawah tujuan kami, cuma mata mereka melihat ia berubah-ubah... (bishop roman katolik tu sebenarnya seorang jiran saya yang memang ada link

organisasi dengan Gereja Vatican dekat Rom.)

Mungkin ada pembaca yang masih belum mengetahui apakah itu Jesuit.

Jesuit adalah 1 aliran keagamaan di dalam Gereja Roman Katolik ataupun disebut Gereja Rom...

Aliran ni pada zahirnya menjalankan misi keagamaan atas nama Jesus dan Kristian, tapi sebenarnya mempunyai agenda tertentu yang amat jahat lagi licik, lebih2 lagi Jesuit adalah antara pembantu yang paling penting dan besar peranannya kepada Lucifer = Iblis dan rakan kongsinya Al-Masih Dajjal.

Ini kerana Jesuit adalah antara elemen penting dalam membangunkan plan besar New World Order yang termasuk di dalamnya Freemasonry dan Zionis Antarabangsa.

AKU: tapi kan... bukan ke universiti dan gereja tu berasingan, tak campur organisasi?... lg pun macammana pulak paderi2 ni bleh transfer ilmu.. Takda nampak pun paderi jadi lecturer dekat mana2 universiti dekat dunia ni... kampung sy malaysia lg la xde...paderi kt malaysia kejanyer sembahyang jer kan...?

BISHOP: masa pra-kemerdekaan wilayah2 jajahan eropah seperti kamu... Pemimpin2 kamu yang memperjuangkan kemerdekaan tu telah BELAJAR DENGAN orang yang KAMI AJARKAN... Cuba kamu perhatikan cendekiawan, ahli falsafah, ilmuan yang NAMA MEREKA TERPAHAT DI DINDING2 SEKOLAH TU... APA yang guru2 kamu katakan pada waktu tu?

AKU: apa ek... yang saya ingat la... dorang tu semua orang yang geliga kepala otak tak ingat dunia, dorang tu pengasas ilmu dan dorang tu jadi macam tu sebab wujud perasaan ingin tahu yang sangat mendalam dlm jiwa.

BISHOP: saya pasti apa yang awk cakap itu mesti tercetak di buku2 teks sekolah

AKU: betul...mana pakcik tau ni? (peh...dia wt lg kn... ktwā tp cm

x ktw)

BISHOP: pejuang kemerdekaan lah yang bawa nama mereka supaya di kenalkan kepada kanak2 lg, supaya mereka mengagumi ANAK MURID KAMI

AKU: kenapa gereja nak mereka respect dengan cendekiawan2 barat?... macam pak cik kan ahli gereja, kenapa tak bubuh nama pak cik jer kn senang.. Pak cik jugak yang glamour nti...

BISHOP: kami tidak mahu mereka tahu ilmu2 yang diajar dari sekolah hingga universiti tu adalah ilmu kami.. Kami reka keadaan yang menampakkan ilmu itu muncul secara spontan, kami mahu mereka rasa ilmu itu seolah-olah bukan datang dari kebijaksanaan agama.

AKU: ish...betul jugak, masa saya sekolah dulu pun saya rasa seperti semua orang mampu kalau ada sifat ingin tahu.. Cikgu sekolah yang ajar.

BISHOP: sifat ingin tahu itu sebenarnya tidak wujud dalam diri cendekiawan barat... KAMI yang RANCANG SUPAYA ANDA BERFIKIR seperti ITU.. Masa kan manusia sedunia yang pelbagai kaum dan agama mahu belajar ilmu di universiti jika mereka tahu ia adalah perancangan gereja ?

AKU: bunyinya macam gereja ada kaitan dengan zaman penjajahan ke atas seluruh dunia macam british, belanda, spanyol, prancis dll... betul ke?

BISHOP: BETUL....

(maaf..aku terpaksa rahsiakan nama bishop ni, sbab aku dah janji takkan bagitahu sapa2 kalau dia sudi cerita pada aku.. Utk keselamatan aku jugak...)

Korang boleh ke tolong aku terjemah apa kata2 jiran aku tur..? Sebenarnya apa yang dicakapkan oleh Bishop itu adalah Protocol Of Zion No. 4 dan Protocol Of Zion No. 9

Protocol Of Zion No. 4

It is for this reason that we must undermine faith, eradicate from the minds of the Gentiles the very principles of God and Soul, and replace these conceptions by mathematical calculations and material desires.

Protocol Of Zion No. 9

We have fooled, bemused and corrupted the youth of the 'Gentiles' by rearing them in principles and theories which are known to us to be false although it is that it is that they have been inculcated.

AKU: pak cik dr tadi asyk cakap "kami yang rancang... Kami yang rancang" Haa... Skang ni pak cik cakap la yang semua universiti kat dunia ni gereja yang Punyer... apa bukti... stakat cakap semua orang boleh... (sepatutnya jiran aku ni paling tak pun ada sikit rasa tercabar... tapi raut muka dia sikit pun takda rasa tergugat, malah pandang aku dgn perasaan kesian... bengang btul aku)

BISHOP: ada pada satu hari tu di sebuah dewan, ada ramai orang, dari pemimpin, orang Kenamaan hinggalah ibu bapa, keluarga dan kawan2 datang untuk ucapkan Tahniah, berkongsi kegembiraan, kesyukuran kerana nendapat Segulung ijazah... mereka bergambar bersama, memegang ijazah dan Bunga di dada sambil melontar topi di awan dgn teriakan puas...

AKU: jadinya kenapa?

BISHOP: jubah yang mereka pakai tu adalah pakaian kami.. Seluruh dunia telah mengenakan jubah kami dengan perasaan mereka begitu syahdu penuh bangga... Mereka telah jadi waris kami tanpa kami perlu wujud di depan mereka... Malah mereka berebut2 melayakkan diri ke majlis itu.

(jauh di benak aku mmg mengakui kita ni mmg kene bodoh2 je dngn Yahudi nie... jubah tu mmg sama, cuma modified sikit jer)

AKU: ah... Kalau saya graduate nanti saya tanak pakai pun jubah tu.. (tapi kalau tak pakai jubah tu pun tetap sama jer... tak ubah apa pun, belajar jugak ilmu)

BISHOP: kalau mampu, silakan... Setiap 1 orang menentang jubah ni, akan ada 1000 lagi yang akan menyarung jubah ni,MEREKA yang MENGIDAMKAN MAJLIS INILAH yang AKN MEMPERTAHANKANNYA SENDIRI... Kami tak perlu Buat apa pun..

AKU: gereja jugak yang rugi... orang Islam semakin banyak yang pandai dan boleh Bersaing...

BISHOP: sudah lama kami menanti orang Islam berkata seperti itu... Bukanyer mudah.....beratus tahun kami usahakan..... Semakin ramai orang Islam memakai jubah kami, semakin banyaklah terlucutnya jubah Nabi Muhammad.

AKU: pak cik silap ni.... Makin banyak institusi pengajian Islam kat dunia ni, dekat kampung saya malaysia lagi la banyak...

BISHOP: awak tertinggal suatu ayat... DAN ISLAM YANG UMATNYA SEMAKIN HANCUR.. Dan saya Juga terlupa nak bertanya kepada awak sesuatu...

AKU: apa dia?

BISHOP: sekiranya ilmu yang kami lepaskan dari diri kami itu suatu kebaikan, mengapa tidak kami ajarkan kepada kaum kami sahaja, dan membiarkan kamu mentadbir wilayah sendiri mengikut kesukaan kamu selepas diberikan kemerdekaan ?

(Pergh!!.. terkedu siot aku... tarik nafas panjang2.. killer punyer soalan... aku diam seribu bhsa...)

BISHOP: tak perlu jawab... lidah kamu dan huruf-hurufnya tidak layak sebagai jawabnya. (jiran aku ni bleh tepuk bahu dan gosok2 bahu aku... suruh aku tenang pulak)

Kalau korang nak tahu.. Bishop ni hidupnya sangat sederhana, macam orang kampung... tapi pegang banyak rahsia ... Berbza dengan freemason dan illuminati yang hidup berkuasa dan mewah.. Adakah penampilan berkuasa dan mewah ni sebagai cover line supaya orang takan sangka Paderi Jesuit ni sebenarnya boss ? And the bishop as the big boss ?... tak berani aku nak tanya, ngelak kena bunuh jer... tolong aku explain kata2 dia yang selalu berkias2 tu ye..

Jesuit Priest



JUBAH GRADUASI

Pernahkah kita terfikir tentang semua ini? Atau kita hanya mengikut sahaja yang dilakukan oleh orang lain tanpa sedikitpun menyedarinya.

Nabi Muhammad pernah bersabda: “Man tasyabbaha bi qaumin fahua minhun”. Bermaksud : “Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka seseorang itu terdiri dari kalangan mereka (iaitu kaum berkenaan).

BISHOP: saya sangat gembira dengan cara orang Islam memahami AL-QURAN. Mereka membaca dengan suara yang merdu, kemudian MENDAPAT PINGAT... kami tidak memberi pingat kepada pembaca Injil (bible hari ini is totally salah).

AKU: betul ke paderi2 Jesuit, Bishop pernah baca AL-QURAN dan mereka mnghafalnya? Saya pernah dengar yang gereja mengkajinya, tapi sama ke macam orang Islam mengkaji ?... tak mungkin sama... betul tak?

(jiran hanya senyum dan menganggukkan kepala sahaja n termenung jauh...)

BISHOP: pertama kali kami berkenalan dgn Al-Quran selepas Nabi Muhammad diambil tuhannya, dan kami membaca dgn telinga, selepas Salahudin mati, kami membaca dengan mata, lidah,

hidung, tangan, kaki dan kulit...

Kami buka halaman pertama, kami baca kemudian kami datang kepada dunia dan hasilkannya.. Kemudian kami buka halaman kedua, kami baca.. Kemudian kami berkata.. "oh... macam ni rupanya kehidupan manusia diciptakan tuhan..... kita perlu lakukan sesuatu".. Kami datang kepada dunia dan hasilkannya..

Kemudian kami buka halaman ketiga, kami baca... kemudian kami berkata " alamak...tuhan buat begini pulak!!... kita tak boleh biarkan, kita mesti buat sesuatu" kami datang kepada dunia dan hasilkannya.. Dan begitulah sehingga halaman terakhir....

Dan siapakah kamu orang Islam pada hari ini?

Kamu melihat dunia yang kami hasilkan tadi , kemudian kamu datang kepada al-quran, kemudian kamu berkata " apa ayat yang aku nak guna dan tampal bila aku berhujah di depan orang nanti?... ayat ni boleh la" kamu datang kepada dunia kemudian berkata "lihat dunia telah berlaku seperti ini.... Seperti itu, cuba rujuk ayat ini,,,,, ayat itu... hadis ini.... Hadis itu...."

Kemudian kamu dgn bangga berkata " inilah janji tuhan yang ayat al-quran dijamin tidak akan berubah" padahal kami sengaja membiarkan tulisan tulisan pada kertas itu kekal, kemudian kami berpura-pura hendak mengubah tulisan dan berpura-pura gagal supaya kamu berkata "inilah janji tuhan yang ayat al-quran dijamin tidak akan berubah"

Sungguh bijaksana orang Islam....

Janji tuhan disangkanya tulisan-tulisan... Membuatkan raja mereka berkuasa ke atas agama dan adat sahaja telah menyebabkan rakyatnya berharap pada dakwat dan pena... dan hari ini mereka berlaga, dakwat siapa lagi pekat.... Pena siapa lagi berkilat ... teramat besarlah jasa zaman penjajahan kepada tuannya.. Yang teramat mulia Paus...

AKU: sedap je pak cik cakap.... Kalau orang2 pak cik x ubah

tulisan pun, orang2 kami al-hafiz n al-hafizah sememangnya dah hafal penuhya AL-QURAN dan terjemahnya.... Yang ni pun bukan janji TUHAN ke?

BISHOP: hafalan mereka hanyalah tulisan2.... Apabila kamu bertanya tentang AL-QURAN kepada mereka.... Ingatan mereka akan kembali menjadi tulisan semula....

(jiran hampir ketawa, tapi cepat2 dia tutup mulut dgn tangannya, dengusan hidungnya n matanya berlinang hampir gugurkan air mata... seperti merasakan kebodohan umat Islam betul2 menggelikan hatinya.... Dan aku rase malu gila bila tengok reaksi dia mcm ni...)

BISHOP: maafkn saya.... Tapi kalau kamu mahu lihat kebenarannya... pergilah uji mereka

Aku ; tadi pak cik cakap membaca AL-QURAN selepas Salahudin mati (wafat)... gaya pak cik cakap "BERKENALAN DGN AL-QURAN selepas Nabi MUHAMMAD DI AMBIL TUHANNYA" tu... seolah2 orang pak cik sangat hampir dengan peristiwa itu.. Tak faham la saya...

BISHOP: sangat2 lah sukar untuk mengetahui rahsia AL-QURAN tanpa Nabi MUHAMMAD, kami sempat belajar dengan memerhatikan sahabat-sahabatnya sahaja, mereka begitu sibuk menawan dunia... hampir suku bumi di bawah keamanan Islam. Waktu itu, kami masih di padang pasir,tapi hampir tiada tanah lagi untuk kami berdiri, kerana terlalu sibuk melebarkan empayar, mereka telah cuai...

Kami membawa diri sehelai sepinggang meninggalkan tanah yang kami cintai lalu kami menemui suatu bumi yang tidak pernah kami bayangkan sebelum ini, bumi yang subur dengan tumbuhan, sungai yang mengalir deras dan sangat sejuk dan ada benda putih turun dari langit (salji). Kami menemui suatu kaum yang sama kulit dan wajahnya seakan kami, dan kami spt pernah lihat dulu, tapi kami lupa.... Dan alangkah terkejutnya kami kaum itu menyembah Nabi Isa !!!.... Ya.. Nabi Isa yang kami bunuh dahulu

!!!

AKU: dah tu apa kena mengena dengan Salahudin pulak?

BISHOP: kami telah berkeluarga di sana, dan kami telah kembali duduk di gereja.... Tetapi di antara kami.. Telah melakukan kesilapan besar... kami tidak tahu bagaimana Pahlawan Mulia Islam mendapat tahu Jacques de Molay sebenarnya tidak menyembah Nabi Isa .. Kalau begini Salahuddin tidak akan benarkan setitis pun air mani kami tumpah ke atas bumi... habislah tamat riwayat kami semua !.. Kami bermati-matian ke atas Salahuddin ...

AKU: la..macam tu ker, abis tu yang baca AL-QURAN dengan mata, lidah, hidung, tangan, kaki dan kulit tu apa bendanya pulak....?

(jiran hanya angukkan kepala dan tersenyum puas.. Spt ada satu kejayaan besar)

BISHOP: ya...ya... Penyembah Nabi Isa telah kami tawan, Salahuddin telah kami tewaskan... Dan sekarang ni kami perlu uruskan Al-Quran pula.. Kami telah melaksanakan Al-Quran 1 per 1 mengikut giliran ianya diberi kepada Nabi Muhammad... dari 1 ayat kepada 1 ayat, dari 1 surah kepada 1 surah sehinggalah wahyu terakhir kepada Nabi Muhammad hampir 500 tahun kami berusaha untuk sampai kepada wahyu kedua terakhir... ia telah dilaksanakan dan yang teramat sukar mengerah kudrat kami seadanya adalah wahyu terakhir...

AKU: kenapa boleh ada yang pertama lah, yang kedua terakhir lah.. Pastu yang terakhir... pasal apa orang pak cik tidak buat semua sekali...

BISHOP: kejayaan semua wahyu bergantung kepada keberhasilan wahyu terakhir... jika wahyu terakhir gagal, maka lahirlah seorang lagi Muhammad (maksudnya... andai Muhammad gagal... seorang lagi nabi akan lahir)

AKU: apakah wahyu terakhir itu sampai orang2 pak cik rasa perkara ini seolah2 menentukan Hidup atau mati gereja ?

(saya tak fikir jiran akan sanggup mengucap ayat2 suci AL-QURAN dengan lidah sendiri, ia bertentangan dengan status dirinya... Tapi jangkaan saya meleset, saya amat terkejut)

BISHOP: mengucapkan isi kandungan Al-Quran

“Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba) maka ketahuilah bahwa Allah dan Rasulnya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya. Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebagian atau semua utang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui. Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberi balasan yang sempurna terhadap apa yang telah dikerjakannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya”. Al-Quran Surah Al-Baqarah: Ayat 278 ~ 281

BISHOP: melaksanakan wahyu terakhir akan menyebabkan gereja kelihatan sangat berkuasa... sangat bahaya jika disedari orang... Kami telah melahirkan 1 kaum di dalam genggamannya kami... mesyuarat itu dihadiri beribu-ribu orang anak murid kami ketika itu Paus telah memutuskan untuk menyerahkan amanah yang teramat besar ini, agar kami boleh tidur sehinggalah Muhammad kembali semula. (iaitu Al-Masih Imam Mahdi) di antara anak murid kami telah menyahut “serahkan saja hal itu kepada saya, dan saya tidak peduli bagaimana ia akan dilaksanakan”... kami telah turunkan kesemua ilmu Al-Quran kepada mereka semua.

AKU: sapa orang yang berani menyahut amanah tu? .. Ni mesti bukan calang2 punyer orang...

BISHOP: ya...dia telah dididik dgn sempurna, dia bernama..... MAYER ROTHSCHILD... Kami menyerahkan Ayat Al-Quran pada Surah Al-Baqarah : (ayat 278-281) kpdnya untuk dilaksanakan...

AKU: Apa status dia, apa lebihnya dia dari anak murid yang lain..

BISHOP: bersamanya kami mengarahkan Jesuit memberi pedoman.... Kami gelarkan dia "the guardian of the Vatican treasury"... sudah hampir 300 tahun, sedikit tahun lagi untuk merasa keberhasilannya.

AKU: saya nak tanya la...tapi soalan ni akan membuatkan pak cik nampak seperti orang bodoh...

BISHOP: tanyalah... sebab dari awal kita berbual, Islam telah kelihatan bodoh..

AKU: kenapa PAK CIK begitu MUDAH MENCERITAKAN kepada saya, Kalau Paus tahu macamana, kalau saya cerita pada 1 dunia macamana... PAK CIK yang SUSAH NANTI...

BISHOP: saya tak perlu tipu awk... Umat Islam dah tidak mampu buat apa2 pun... lainlah kalau awk sahabat-sahabat Nabi Muhammad, sekarang jugak kami bunuh...

(Pergh... ngeri kata2 dia ni... dgr dia sebut nama Rothschild jer, aku dah gigil, ngn spe la aku tgh cakap ni... korang nilai kn sndiri la kata2 dia)

Jika dilihat dari perbualan di atas, mereka telah memilih Rotschild untuk melaksanakan Surah Al-Baqarah 278-281 untuk dilaksanakan.



Jika kita lihat peranan Mayor Rotchild bertepatan dengan ayat di atas yang menerangkan supaya meninggalkan riba. Sebenarnya ekonomi dunia dikawal oleh 2 keluarga Yahudi iaitu Rotschild dan Rockefeller. Mereka telah menubuhkan The Federal Reserve untuk mengawal ekonomi Amerika Syarikat dan seterusnya

*ekonomi dunia. Kita tidak terlepas dari riba mata wang!
Inilah rancangan maha jahat mereka tanpa kita sedari. Inilah
konsep Lending Money On Interest !*

*“..Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba
itu) maka mereka itulah ahli neraka, mereka KEKAL di
dalamnya...” Al-Quran Surah Al-Baqarah: Ayat 275*



BENDERA VATICAN = KUNCI DUNIA UMAT ISLAM

*Di suatu sudut dinding rumah jiran ada sebuah bendera yang
menarik perhatian aku.. Kalau mengikut firasat aku
berdasarkan status jiran.. Sudah pastiya simbol salib atau
patung jesus yang menghiasi bendera... Tapi bendera tu ada
topi Paus dan 2 kunci bersilang...*

AKU: pak cik... kenapa kunci begitu penting dekat bendera tu...
apa ada dengan benda bodoh seperti kunci ni... Apasal tak letak
salib jer macam biasakan?..

BISHOP: yang itu ye..... Itu bendera Vatican.. Itu kunci dunia
sebelum Nabi Muhammad diambil tuhannya, di suatu pembaringan...
Dia sdg diuji dgn suatu yang amat berat, tuhannya memberi
pilihan sama ada kembali disisinya atau diberi “kunci dunia”
serta hidup sehingga saat kerosakan umat akhir zaman.

Alangkah bagusnya jika Nabi Muhammad ambil “kunci dunia” itu...
dan kami tidak perlu lakukan apa2 pun kerana ia pasti
tertanggung di bahu Nabi Muhammad, tapi Nabi Muhammad pantas
menghidu kalau ia menyebabkan umatnya mendapat kecelakaan.

Kami rampas “kunci dunia” itu dan membuatkan giginya mengikut
kesukaan kami, supaya apabila Nabi Muhammad kembali nanti,
kami dapat berkata..... “hai Nabi Muhammad inilah “kunci dunia”
yang tuhan kamu maksudkan, ia telah mendatangkan kecelakaan
kepada mereka”.

Selepas itu mereka semua meniggalkan Nabi Muhammad dan datang kepada kami... lalu bagaimanakah Nabi Muhammad dapat menuding jari ke arah kami?... telah kami sematkan “kunci dunia”itu pada bendera kami.... Akan kami hadiahkan kepada Nabi Muhammad nanti

AKU: ...adakah ini bermaksud “kunci dunia” yang Nabi Muhammad tidak ambil tu.. Sekarang telah berada di tangan Vatican?

BISHOP: ya... bukannya jiwa2 kamu yang membentuk persekitaran... Tetapi persekiran dibina untuk membentuk jiwa2 kamu mengikut apa yang kami kehendaki...

AKU: Kalau “kunci dunia” berada di tangan orang2 pak cik, macamana plk kunci dunia ni akan merosakkan kami?

BISHOP: Nabi Muhammad dan sahabat2nya membina persekitarannya seperti “molekul-molekul yang disusun sebelah-menyebelah dan mengikat kuat antara 1 sama lain...”

Lucifer telah berputus asa terhadap perkara-perkara yang besar, maka Nabi Muhammad mengingatkan sahabat2nya akan perkara2 yang kecil (molekul) dan kerosakan yang sekecil (molekul) telah berlaku kpd Islam sedetik selepas Nabi Muhammad diambil tuhaninya. Kerana tuhan kepada Nabi Muhammad menghitung pahala dan dosa sekecil zarah molekul, dan ikatan molekul-molekul2 ini boleh menjadi longgar dengan dihentam oleh daya sekecil zarah secara berterusan... maka sekecil zarah lah kami membina perkara-perkara di dunia ini... dan selebihya Lucifer akan menguruskannya

Cuba lihat kesenangan di dunia ini yang tiada pada Zaman Nabi Muhammad dahulu.... Apa yang ada di dunia skrng inilah yang membina hati2 dan jiwa2 kamu... yang sedikit pun kami tidak ambil, padahal kami yang membinanya hanya untuk kamu....

Lihatlah manusia di sekeliling kamu.. Kebahagiaan mereka bergantung kpd “barangan buatan kami”... Ya, mereka sudah tidak mengerti bagaimana mahu bahagia dgn “barangan buatan tuhan”....

Mereka semua akan sujud di kaki kami dan meninggalkan Nabi Muhammad ... kami tidak perlu mempertahankan "barangan buatan kami" apabila Muhammad ingin menghancurkannya... tetapi lihatlah! Mereka yang akan mempertahankannya sendiri... maka tercabutlah Syahadah dari roh mereka...



HURAIAN :



BENDERA VATICAN

Lihatlah manusia zaman sekarang. Apa yang dikejar oleh mereka? Kemewahan dan keseronokan semata-mata ! Saya tertarik dengan kata-kata dari Bishop tersebut:

Lucifer telah berputus asa terhadap perkara-perkara yang besar, maka Nabi Muhammad mengingatkan sahabat2nya akan perkara2 yang kecil (molekul) dan kerosakan yang sekecil (molekul) telah berlaku kpd Islam sedetik selepas Nabi Muhammad diambil tuhannya. Kerana tuhan kepada Nabi Muhammad menghitung pahala dan dosa sekecil zarah molekul, dan ikatan molekul-molekul2 ini boleh menjadi longgar dengan dihentam oleh daya sekecil zarah secara berterusan... maka sekecil zarah lah kami membina perkara-perkara di dunia ini... dan selebihya Lucifer akan menguruskannya

Kata-katanya ini adalah bertepatan dengan hadis Nabi Muhammad:

"Berwaspadalah terhadap syaitan demi keselamatan agama kamu. Dia telah berputus asa untuk menyesatkan kamu dalam perkara-perkara besar, maka berjaga-jagalah supaya kamu tidak mengikutnya dalam perkara-perkara kecil."

Antara "barangan buatan" yang telah dijadikan ikutan oleh kebanyakan dari kita.

1. Kita diajar dalam buku biologi, buku pemakanan (kajian dan

terbitan para kafir ni) bahawa kalau nak dapat vitamin B dan kalau nak tambah darah kita kena makan hati haiwan dan hati ayam.

Tetapi sebenarnya Nabi kita tidak menggalakkan pemakanan organ dalaman.

Nak ikut kafir ke nak ikut Nabi Muhammad ?

Sebenarnya makan hati ayam dapat melembabkan otak kita sbb hati merupakan organ di mana semua toksin akan dikumpulkan dan dineutralkan. So kepekatan toksin adalah tinggi di hati ayam.

Makanlah kita toksin tersebut serta bengaplah otak kita umat Islam sebab percaya buku sains keluaran kafir ini.

2. Kita diajar dalam sains bahawa kopi tidak bagus untuk kesihatan. Namun sebenarnya kopi adalah antara minuman kegemaran Nabi Muhammad selain susu dan madu. Cuba tengok Yahudi, mereka minum kopi, Starbuck. Profesor di UK yang Yahudi semua ada segelas kopi di tangan mereka.

3. Kita diajar memakan kambing tinggi kolesterol, namun kambing juga adalah makanan kegemaran Nabi Muhammad. Seolah-olah buku sains ni nak merendahkan pemakanan Nabi kita. Sebenarnya daging kambing adalah daging paling kurang kolesterol.

4. Kita diajar bahawa makan mcdonalds adalah bagus, namun sebenarnya mcdonalds adalah makanan yang sangat tinggi MSG dan kolesterolnya dan paling banyak lemak tepu trans.

5. Para kafir ni juga menggalakkan kita minum dan makan makanan yang langsung tak berkhasiat, Contohnya coke dan maggi. Coke tu sangatlah beracun, pastu sangat tidak bagus untuk kesihatan (gula tinggi, berasid, ph dalam lingkungan 3.5, ada racun tersembunyi).

6. Untuk pengetahuan, para kafir agen dajjal ni gak mewar-warkan kebaikan minum soya

(sebab USA merupakan pengeluar soya terbesar), namun sebenarnya soya dapat melemahkan kejantanan lelaki dan mengurangkan kesuburan lelaki dan perempuan. Selain itu juga

soya dapat meningkatkan risiko kanser payudara, kanser ovari, kanser prostat, serta melemahkan otak dan tulang sbb dalam soya ada hormon estrogen yang sama dgn estrogen kat wanita. Pastu soya ada phytic acid yang membuatkan penyerapan kalsium, magnesium dan zinc yang penting untuk badan kita terjejas.

Secara kesimpulannya para kafir ajen Al-Masih Dajjal ni bukan setakat melemahkan kita dari segi lain namun secara pemakanan kita jua.

Firman Allah:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan, kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”. Al-Quran Surah Al-Baqarah Ayat 168

“Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertakwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman”. Surah Al-Maidah Ayat 88

“Oleh itu, makanlah dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembahnya semata-mata”. Al-Quran Surah An-Nahlu Ayat 114

AKU: Pak Cik ni dari tadi asyik cerita tentang kehebatan orang2 pak cik jer... Takkan takda perkara2 yang merisaukan pak cik.... Orang Kristian banyak masuk Islam kan...takan pak cik tak risau.. Takan gereja buat tak tahu jer...

BISHOP: Alangkan umat Islam sendiri hilang Islam yang sebenar, ini kn pulak yang baru masuk... Ya, raja kami (Paus) Pope Benedict prnh bg tau sy bhwa kami tidak akan menemukan Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi), sebelum dia berjaya menemukan kami kepada khalayak ramai

AKU: tapi.. Orang Islam percaya Al-Masih Mahdi akan dilantik

dan kemudian melaksanakan misinya

BISHOP: bagaimana jika saya kata dia tidak tahu siapa dirinya, dia mengetahui kebenaran dan melaksanakannya hanya kerana perasaan tanggungjawab, perlantikanya sbg Al-Masih Mahdi itu menandakan usahanya telah berhasil dan bukannya baru bermula.

AKU: tapi kan kenapa dia berjuang pada waktu dirinya belom dilantik, selepas dilantik tak boleh berjuang ke?

BISHOP: inilah yang merisaukan kami. Al-Quran dan Nabi Muhammad tidak akan menipu tetapi ada sedikit helah yang disembunyikan daripada kami, mana mungkin dgn mudah berkata dia Al-Masih Mahdi muncul dan dilantik.... Klu begini senang2 saja kami menemukannya.

Pope Benedict ada cakap Muhammad kali ini berbeza dgn Muhammad terdahulu, ulama2 kamu dibiarkan hidup sebab Muhammad yang dimaksudkan sedikit pun tidak menyerupai mereka2 itu.

Muhammad akan kelihatan spt penjenayah, orang yang melakukan kesalahan tetapi sebenarnya dia membawa kebenaran... sedangkan kami pula spt orang baik yang memperjuangkan nasib kamu. Ya.. Kerana dia tidak mahu kebenaran tertanggung di bahunya, kamu tidak akan menemui sebarang huruf2, abjad2 dan ayat2 dlm usahanya..

AKU: Abis tu sapa pulak yang akan ikut Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi)? Macamana nak tahu dorang?

BISHOP: kalau kamu mahu tahu ... kamu datang kpd sesiapa sahaja dan kemudian ceritakan kebenaran kepada mereka, selepas kamu mendapat tempat di hati mereka... mereka akan mengatakan kamu adalah orang2 yang baik2 dan kata2 kamu adalah paling benar...

Oleh itu kebenaran sudah tertanggung di bahu kamu, mereka melihat kamu.... Nama kamu.. Kemudian kamu bersikap buruk lalu kamu perhatikan saja ragam mereka.... Mereka akan mengatakan kamu adalah orang2 paling jahat... dan kata2 kamu adalah paling

dusta...

Mereka adalah orang yang paling lemah kerana memerlukan kebaikan kamu utk membuat keputusan, sama ada cerita yang kamu jaja itu benar atau dusta... dan orang yang gagah adalah mereka yang tidak memerlukan kebaikan kamu untuk memutuskan bahawa cerita kamu itu benar, dan tidak memerlukan kejahatan kamu untuk memutuskan bahawa cerita kamu itu dusta.

Mereka ini adalah orang2 yang akan menyertai Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi). "Permata yang hilang dari tangan orang mukmin" akan kembali semula kpd tuannya, kerana mereka orang yang sudi menerimanya tidak kira bagaimana ia akan datang... dan mereka adalah orang yang benar2 yakin bahawa kebenaran itu milik tuhan dan Muhammad hanyalah sebagai penyampai.

(So...lepas jiran cakap macam ni aku pun 'test power' la kebenaran yang aku cerita kat korang ni... aku nak tau golongan mana yang jiran maksudkan).

Perkara ini perlu sangatlah kita teliti, seandainya mereka mencari Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi). Begitu juga dengan kita, kita pun janganlah disangka dengan sebegitu mudah untuk menemui Al-Masih Mahdi ini. Mereka pun sedang mencari dan kita pun akan terus ingin bersamanya.

Sehinggakan suatu masa nanti kita pun susah untuk mengenalinya, oleh kerana agama yang telah mereka cuba pesongkan dan amat sukar bagi kita untuk menerima agama, sepertimana agama yang di bawa Oleh Baginda Rasulullah s.a.w. (Nabi Muhammad) nanti.

Oleh itu hendak tak hendak, mahu tak mahu pasti kena menyusuli agama sebagaimana yang Nabi Muhammad mula-mula beragama, dan itulah yang sebenarnya. Dan yang lebih susah nanti bagi kita untuk menerimanya. Sehebat mana perancangan mereka, perancangan Allah maha hebat.

BISHOP: inilah yang merisaukan kami, Al-Quran dan Nabi Muhammad tidak akan menipu tetapi ada sedikit helah yang disembunyikan daripada kami, mana mungkin dgn mudah berkata dia Al-Masih Mahdi muncul dan dilantik... kalau begini senang2 saja kami menemukannya.

Firman Allah:

“Mereka menjalankan tipu daya, dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya”. Al-Quran Surah Al-Anfal Ayat – 30

AKU: saya tengokkan..... pak cik dengan kawan2 pakcik dan paderi muka lebih kurang sama je.. Malah muka Paus macam muka pk cik, muka pak cik macam muka Paus ... sekarang ni susah nak bezakan wajah Yahudi dengan orang2 Amerika, Eropah.. Semua lebih kurang jer... apasal ek?

BISHOP: orang seperti kamu bila melihat wajah manusia, itulah yang kamu katakan... Tapi bila kami melihat wajah manusia, tembus ke lubuk hati mereka, apa yang mereka lalui seharian, apa yang ada di jiwa sehingga menyebabkan wajah mereka spt ini dan seperti itu..

Aku ; apa kaitan kehidupan seharian dengan jiwa dan wajah... setakat muka, alat solek pun boleh tukar muka...

BISHOP: (PAUS) pope BENEDICT paling arif akan hal ini.... Kami gelarkan dia sbg “million soul man”... Ya, ada berjuta-juta jenis jiwa manusia di dunia ini, perbezaan jenis jiwa2 itu sangat2 lah kecil umpama tebal kertas yang dibahagi 1000.

Seseorang yang namanya Paus, mampu menghitung spt itu walaupun di depannya ada jutaan manusia... dia mampu menyebut mereka 1 per 1... ini adalah kemampuan Nabi Muhammad dan sahabat2nya, yang kini ia menjadi milik kami...

Perasaan kamu itu terhasil dari gerakbalas terhadap “barangan buatan kami”. Kamu lakukan ia setiap hari, lama-kelamaan ia

akan menjadi spt air yang menitis mejadi lopak, bila lopak itu kelihatan ia telah menjadi jiwa... huruf2, abjad2 dan ayat2 tidak layak sbg bahasa, maka wajah kamu adalah sebaik bahasa yang mampu menerangkan apa yang terkandung di hati kamu... cantik atau hodoh bukan penentu... tapi terang atau malap cahaya di wajah kamu

AKU: tadi pak cik cakap ada berjuta jiwa manusia... banyak sangat, mcmana boleh jadi macam tu.. Yang saya lihat manusia ni Cuma ada 4 jenis jiwa je... Jahat, sederhana, baik dan sangat baik.. Tapi gereja nampak ada berjuta-juta jenis pulak... Pelik dan ajaib...

BISHOP: sebab itu kami wujudkan pelbagai aktiviti kehidupan manusia yang tiada pada zaman Nabi Muhammad dahulu.. Sehingga hari ini ada pelbagai peranan manusia yang palsu...

Dari kecil kamu ke sekolah, ke universti, bekerja... di dalamnya terdapat berjuta2 juta pekerjaan (karier).. Maka berjuta2 akitiviti maka berjuta2 jiwa hasilnya...

Manusia ini sungguh bodoh... Mereka bgtu menyayangi pekerjaan, malah kami buatn mereka tersepit jika tiada kerjaya... oleh itu mereka akn menyayanginya.. Malah berebut2 memilikinya...

AKU: untuk apa orang2 pak cik mewujudkn berjuta2 jiwa manusia... apa orang2 pak cik dah buat... tapi betul jugak sebab pak cik ni sendiri tak bekerja... sembayang je kuat..

BISHOP: ada pelbagai agama di dunia ini, wajah2 manusia bergantung kepada agama yang mereka anuti,

Wajah orang2 Islam lain,
Wajah orang2 Kristian lain,
Wajah orang2 Yahudi lain,
Wajah orang2 hindu lain,
Wajah orang2 budha lain...

Perbezaan wajah manusia pd masa itu sangat ketara... Sebab

aktiviti seharian mereka berlainan, aktiviti seharian mereka adalah agama, tidak wujud perkara lain... oleh sebab itu kami berusaha untuk melucutkan wajah2 agama dalam diri mereka... maka kami cipta aktiviti kehidupan yang kamu lihat pd hari ini... maka wajah mereka akan kelihatan sama saja... dan jiwa mereka pasti sama.. Misalnya begini...

Cuba kamu lihat wajah orang yang berumur 20 tahun pada hari ini, dan kemudian lihat wajah orang yang mempunyai umur yang sama, tetapi hidup pada 30 tahun yang lepas.... Kamu bandingkan... adakah sama?

(ni yang susah... aku termenung kejap, akal aku balik Malaysia kejap... mmm.. Amoi, awek, ane, karu,..)

AKU: betul jugak ek... Sebab macam dekat Malaysia, perbezaan generasi memang ketara... muka orang2 muda, melayu dah mcm cina, cina dah macam melayu.. Bohsia dah mcm amoi, amoi dah mcm bohsia... kadang2 tengok gambar dekat myspace, facebook, friendster.. Susah nak cam apa bangsa dorang...

(dia ni tau pulak dia bohsia, amoi, myspace semua tu.. Hehe)

BISHOP: mereka yang berjuta2 jiwa itu kami gabungkan aktiviti kehidupan mereka, untuk menghasilkan 1 wajah manusia baru, jiwa manusia baru, jiwa tanpa agama padanya, yang tidak terdapat pada mana2 zaman sebelum ini.. Dan mereka itu adalah jiwa pemilik wajah yang kamu panggil mereka sebagai...."Cute"... lihatlah!

Orang spt mereka semakin membanjiri setiap pelusuk dunia... Semakin melimpah memenuhi bangsa dan agama sendiri... Maka tamatlah riwayat agama sedunia...

AKU: mereka yang berwajah "cute" ???.. Macam orang2 saya bangsa melayu.. Tapi memang saya perasan muka dorang dah tak macam melayu, sebab memang bangsa Melayu kebanyakannya hensem2 & lawa, kulit mereka putih yang berubah atas factor kepanasan

bumi Nusantara, macam orang agama budha.. Tapi tak jugak...ini suatu fenomena ajaib..

BISHOP: lihat saja di alam maya (internet).. Mereka betul2 menyukai wajah mereka, malah berasa bangga, padahal mereka tidak menyedari kerosakan jiwa, dan mereka orang2 paling berpotensi untuk dimurtadkan, menyembah kami sedikit masa lagi...

AKU: macamana orang2 pak cik menghitung potensi mereka untuk diperlakukan begitu?

BISHOP: kamu datang kepada mereka, kemudian kamu suruh mereka membenci wajah mereka sendiri... lihatlah, mereka akan mempertahankan wajah mereka dan mereka pula berkata bahawa kamu ini orang gila... dan ingatlah bahawa tuhan kpd Nabi Muhammad telah memberikan kami ramai pengikut dari kaum perempuan...

AKU: kalau begitu... golongan ini telah dipersiap2kan untuk Al-Masih Dajjal ke?

BISHOP: ya... Mereka adalah golongan paling lemah, jiwa2 mereka bergantung sepenuhnya kepada "barang buatan kami"... Dan mereka yang lain jika tidak sempat didatangi Al-Masih Dajjal, akan diuruskan oleh Lucifer = Iblis

Lucifer akan dtg apabila mereka di waktu ajal maut (ketika kematian)... Lucifer membisikkan ke telinga mereka akan pertolongan dari sakitnya maut... dan mereka akan dihantar ke neraka selama-lamanya... Dan ia telah berlaku.....

AKU: ini semua mengarut....apa buktinya?

(aku rasa terkejut... kali ini baru jiran ketawa tapi dengan cara yang sopan)

BISHOP: baru2 ini kami terima berita mengenai si penjaga kubur Makam Nabi Muhammad, dia membaca al-quran disisi makam dan

tertidur, kemudian dia bermimpi bahawa Nabi Muhammad dtg kpdnya dan mengatakan bahawa Nabi Muhammad telah mengunjungi umatnya dan mendapati bahawa dalam 60,000 orang Islam yang kembali kepada tuhan, tiada seorang pun yang benar2 beriman kpd tuhan. Dan kamu tahu bahawa Lucifer tidak diizinkan untuk menyamar sebagai Nabi Muhammad. (sama ada mimpi atau realiti)

(pergh.....cuak jgk aku dgr, macam mana dia orang boleh survey macam ni sekali, berdasarkan wajah.. Dan create suatu kehidupan yang melahirkan bangsa yang korang suke kata bila nampak saja kita kata... "Cute nyer awek ni")

(aku rse dorg yang muka CUTE macam ni dalam pemerhatian gereja... rupa2nya dorg benar2 tahu diri kita lebih dari kita sendiri... "Cute" banyak maksud)

Nasib baik cerdik pandai tak buat akaun facebook, beruntunglah mana2 manusia yang tak dedahkan gambar ke sana !!!

Apabila membaca petikan di atas saya terfikir, Bishop ini tahu juga bahawa Iblis/ Lucifer tidak diizinkan menyerupai Rasulullah Nabi Muhammad. Saya ingatkan hanya umat Islam yang tahu tentang perkara ini. Ini menunjukkan pihak Gereja Roman Katholik tahu bahawasanya agama Islam sememangnya agama yang betul & benar !!!

BISHOP: perangai orang2 Islam sungguh kelakar.... Apakah hati mereka semua sudah buta... adakah kami perlu cederakan sebelah mata kami sendiri supaya mereka berkata " rupa-rupanya inilah orang yang ditunggu-tunggu"... padahal kami sudah singgah di kuil sulaiman... sekejap lagi kami akan ke tengah-tengah bumi...

(korang ingat lagi tak cerita The Lord Of The Ring ???)

(korang ingat lagi tak slogan "One Ring To Rule Them All ???)

(korang ingat lagi tak episode di mana Istana Sauron ada di Middle Earth ???)

(korang ingat lagi tak MATA_1 yang terapung2 di menara tu ?)

*(korang tak perasan ke Filem itu adalah simbolik kepada peperangan antara Umat Islam & Tentera Dajjal tak lama lagi)
(ingat lagi tak terdapat watak2 seperti Gandalf, Legolas, Sauron, Urukhai, Hobbit, Elves, Arogorn)
(barangkali itulah watak2 Nabi Isa, Imam Mahdi, Bani Tamim, Dajjal, Iblis, Tentera2 dibayangkan di dalam filem ni ???)*

Kebodohan orang2 Islam sangat menakjubkan... Sebelum ini Paus Benedict xvi pernah datang ke sini, menyambut harijadinya yang ke-81.. Ya.. Dia disambut di 'ground zero'ramai orang datang, mereka sayang kpd Paus...



AKU:... Eh, itu kan tempat world trade centre (WTC) runtuh.. Kenapa buat dekat situ pulak...

BISHOP: sebelum rombongan Vatican terbang ke sini... Paus bergurau dgn seorang Monsignor.. Dia berkata "saksikanlah... Orang2 Islam akan melihat saya berbahagia di mana tempat itu telah memberi izin untuk peluru dihadiahkan kepada mereka"

"sangat merbahaya tuan datang ke sana...mahu saya hantar semua 'cantus' untuk lindungi tuan?".. Kata Monsignor..

Paus pun berkata,

"biarkan 'Cantus' tidur puas-puas.. Kemudian saja kitakejutkan 'Cantus' bila Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) datang nanti"...

Paus pula berkata kpd Monsignor

"tidak perlu nak dirisaukan selagi saya tidak mencederakan sebelah mata saya... bukankah saya menyambut hari jadi saja?"... saya sungguh hairan, bila kami kata "paus menyambut harijadi".... Maka orang2 Islam pun akan kata "dia cuma sambut hari jadi saja... bukan ada apa-apa pun"

Rupa-rupanya orang Islam lebih bodoh dari jangkakan kami.... Kebodohan mereka mengatasi usaha kami untuk membodohkan mereka.... Menakjubkan...

(ini dah lebih!.. Dari td sedap je cakap Islam bodo.. Ikutkan hati nak je aku tampar2 laju2 je muka dia... tp sabar je la)



AKU: tadi pak cik ada cerita yang Monsignor ada cakap tentang CANTUS... apa ke benda nyer 'CANTUS' tu... bunyi macam gempak jer..

BISHOP: CANTUS adalah warisan 'Knight Templar'.... Suatu amanah yang kami berikan kepada mereka kerana ketaatan mereka kepada paderi, bishop, kardinal dan semua pemimpin2 roman katolik.. Kami berikan 1 kuasa kepada mereka, kuasa yang meliputi semua penjuru dunia... mereka pergi ke mana saja tanpa banyak tanya kepada Paus...

Selepas penjajahan eropah ke atas dunia, dengan izin kami... 'Knight Templar' telah menyerahkan warisan ini kepada kamu... bukan kpd orang Islam sahaja, malah semua bangsa dan agama di dunia ini...

AKU: ni satu lagi... mengarut, bila masa pulak kami memikul warisan Knight Templar ? Kerajaan sesebuah Negara kan milik rakyat sendiri selepas kemedekaan..

BISHOP: di tanah air kamu dahulu, datuk2 kamu tidak sedar pun bahawa mereka telah bekerja untuk Knight Templar ... nyawa mereka telah kami gunakan untuk membunuh komunis.. Begitu juga di sebelah pihak komunis, Knight Templar telah menggunakan komunis untuk membunuh kamu.... Kedua2 nya mati..

Knight Templar benar2 anak didikan kami... datuk2 kamu itu sebenarnya mati sia2. Mereka semua akan masuk neraka... Mati syahid konon2 nya.

AKU: yang ni lagi kelakar... betul la datuk2 kami memperjuangkan tanah air.. Bila masa plk datuk2 kami diperalatkan oleh Knight Templar ?... apa buktinya..

BISHOP: sekarang ini mereka menjalankan tanggungjawab dan peranan dengan perasaan bangga, malah ramai orang2 muda bercita2 untuk menyertainya, mereka sudah menganggap ia sebagai 'kerjaya'.. Mereka benar2 menyayangi kerjaya itu.. Dan kami telah memberikan pakaian yang indah kepada mereka..

Mereka benar2 sukakan pakaian itu malah berebut2 untuk memakainya... orang2 yang mereka lindungi memandang mereka sebagai wira... padahal mereka sendiri tidak tahu apa yang mereka lakukan, dgn siapa sebenarnya mereka berkhidmat..



AKU: pak cik cakap pakaian?... Pakaian apa yang mereka pakai sampai dorg tak tau untuk sapa dorang bekerja??

BISHOP: mereka itu memakai simbol warisan Knight Templar pada pakaian mereka. Di bahu dan lengan tangan mereka ada terdapat pingat yang menunjukkan mereka telah dikitiraf akan menjalankan fungsi2 yang kami kehendaki... tapi mereka tidak menyedarinya... pingat itu kelihatan seperti huruf 'v'....

Itulah simbol "CANTUS"...warisan Knight Templar ... itu adalah permulaan sahaja sebelum kamu menjadi orang yang lebih bodoh lagi apabila menerima pingat yang lebih besar.....

AKU: huruf 'V' pada bahu dan lengan???.... Bukankah tentera, polis, anggota keselamatan dan badan2 beruniform spt pengakap, kadet dan semua tu???

BISHOP: ya... Maka saksikanlah bahawa semua angkatan tentera di seluruh dunia adalah milik gereja!.. Tidak kira kamu negara apa sekalipun! Kamu semua sedang berkhidmat untuk Paus !!

AKU: ini mustahil !!!!..... bukan ke setiap negara di dunia ini memiliki ketenteraan masing2 ?... Habis tu selama ini perang

yang berlaku di mana2 saja apa ertinya?.. Sedangkan mereka itu semua adalah milik gereja...

BISHOP: buka mata kamu dan lihat dunia.... Semua tentera di dunia ini tidak kira negara besar, British, Amerika, Perancis, China, India, Jepun, Iran... malah negara emas spt kampung kamu, Malaysia.... Semua mereka memakai pakaian dan pingat2 yang sama... Dan mengapa mereka semua tidak memakai pakaian mengikut budaya dan agama masing2????? ..paus berkuasa untuk menggunakan sesiapa sahaja di antara mereka untuk dikorbankan...

(aku ingat jubah universti je yang sama dengan paderi... baju tentera pun sama kt mana2 negara, kalau ada beza pun sikit sangat. Terpikir pulak aku dorang yang namanya, koperal, lans koperal, sarjan, inspektor, mejar... dorang tahu ke tak pasal ni? Tapi yang mcm slu Bishop kata..."mereka sendiri akan mempertahankan pakaian mereka, kami tak perlu buat apa pun".... Kalau bagitahu dorang pun kita yang kena tembak mati, tak pun.. Sumbat I.S.A... I.S.A... I.S.A.)

(paus pun berkata... "biarkan 'Cantus' tidur puas-puas.. Kemudian saja kita kejutkan 'Cantus' bila Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) datang nanti"... korang rasakan apa maknanya dia kata macam tu????

Simbol 'V'? Selepas saya membaca perbualan di atas, barulah saya perasan tentang lambang tersebut yang digunakan oleh tentera di seluruh dunia untuk melambangkan pangkat mereka. Dan simbol 'V' itu juga adalah secret sign Illuminati.

Berkenaan Cantus, istilah itu tidak pernah saya dengar sebelum ini, mungkin itu adalah kerahsiaan tahap tinggi yang didedahkan oleh Bishop tersebut.

Berikut adalah gambar-gambar Pope Benedict di Amerika Syarikat untuk meraikan Hari Jadinya sepertimana yang telah diberitahu oleh Bishop tersebut.



Dialog Temubual (Bahagian 2/3):

(jiran bru saja pulang selepas mendapat undangan dari gereja st. Peter Basilica, Vatican kerana ada urusan penting dan mesyuarat dgn 2500 orang Bishop di suatu tempat yang dia enggan bg tau aku kat mana..)

AKU: apasal pak cik nampak sibuk je... selalu outstation je, buat apa... orang Islam pegi Haji. Mekah... pak cik pegi Vatican pulak, Vatican ada buat haji jugak ke ?

(aku rasa macam nak ketawa... haha, saja je perli dia)

BISHOP: bagaimanakah kamu boleh ketawakan saya padahal setahun dua ini adalah haji yang terakhir bagi umat Islam... kamu sudah berkahwin?

AKU: belum lagi... kenapa pak cik tanya?

(Ada hati nak tanya padahal dia dah tua nak mampos tapi tak kawin2)

BISHOP: ... skrng ini adalah keturunan Islam yang terakhir melansungkan perkahwinan... jika kamu tidak berumah tangga dlm masa setahun dua ini, kamu akn menyesal seumur hidup... tidak ada lagi kesempatan untuk berumah tangga apabila Paus Roman Peter ii dilepaskan dari rantai yang mengikatnya sejak sekian lama... Umat Islam sendiri yang membuatkan rantai itu terputus...

AKU: ni apasal pulak yang terakhir haji la, kawin la... Sapa Paus Roman Peter ii tu.. Yang terakhir jugak ke...

BISHOP: akan sampai masanya kami akan tanggalkan pakaian kami, kami tidak lagi perlukan semua ini... kami pula yang akan menuntut segala hutang2 budi yang manusia ambil dari kami, sedangkan selama 1000 tahun kami bersabar kami tidak ambil

sedikitpun nikmat kehidupan dari kamu, malah hanya cukup-cukup saja makan minum untuk jasad kami....

Sekarang kamu akan membayar harga "dunia" yang kami binakan untuk kamu..... Paus Benedict xvi sudah hampir selesai pekerjaannya... sedikit lagi masa sebelum Vatican melepaskan "Penghulu Segala Paus" ...ya.. Paus Roman Peter ii ... dia adalah Paus yang paling hebat, Paus yang paling agung, Paus yang terakhir sebelum hari pengadilan (hari kiamat).... Dia akan menunggu Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) datang... Habislah Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) nanti...

AKU: sungguh misteri orang2 pak cik ni... kami Islam percaya yang Nabi Isa a.s akan berpihak kepada Al-Masih Mahdi ... padahal orang2 pak cik adalah pengikut Nabi Isa, siapakah sebenarnya gereja sehingga Nabi Isa sendiri tidak berpihak kepada kristian... Macamana dengan Paus?.. Apa kedudukan dia apabila Nabi Isa turun ke dunia nanti?

(jiran tidak menjawab sepele haram pun, dia hanya membisu dgn senyuman sinis. Ini adalah bahagian yang paling menarik perhatian saya dan banyak pertanyaan saya sebelum ini yang kabur-kabur terjawab. Perhatikan kata-kata Bishop tersebut.)

Tidak ada lagi kesempatan untuk berumah tangga apabila Paus Roman Peter ii dilepaskan dari rantai yang mengikatnya sejak sekian lama... Umat Islam sendiri yang membuatkan rantai itu terputus...

Rantai yang mengikatnya? Tidakkah anda perasan bahawa ada juga makhluk Allah yang telah dirantai sekian lama. Ya..... Dialah yang orang-orang Islam namakan sebagai Al-Masih DAJJAL !

Sabda Rasullulah:

Dajjal itu sudah wujud sejak beberapa lama. Ia dirantai di sebuah pulau dan ditunggu oleh seekor binatang yang bernama "Al-Jassasah" Hadis Sahih Muslim

Adakah mungkin Paus Roman Peter ii ini adalah Al-Masih DAJJAL ? Saya pernah mengadakan perbincangan dengan seorang pengkaji, beliau mengatakan umat Kristian percaya bahawa Paus Roman Peter ii inilah yang akan menyelamatkan mereka dari Antichrist = Al-Masih DAJJAL.

Tetapi pada pendapat saya, mungkin Paus Roman Peter ii adalah Al-Masih DAJJAL. Umat Kristian akan terus sesat dan disesatkan oleh Paus Roman Peter ii ini.

Jika benar Paus Roman Peter ii adalah Al-Masih DAJJAL, maka dia akan perintah dunia melalui Baitul Muqaddis = Jerusalem sepertimana dalam ceramah Maulana Imran N. Hosein.

Jika seseorang itu menjadi Pope, sudah pastilah pusat pemerintahannya akan berpusat di Vatican, Bukan Baitul Muqaddis = Jerusalem. Macam mana ini?

Sebelum ini saya ada mendengar desas desus yang mengatakan pemerintahan Vatican akan berpindah ke Jerusalem tidak lama lagi, tetapi masa itu saya tidak tahu apa tujuan pemerintahan Pope dipindahkan ke Baitul Muqaddis = Jerusalem.

Sekarang saya sudah dapat mengetahui kenapa perlu Vatican berpindah ke Baitul Muqaddis = Jerusalem. Ini kerana masanya sudah hampir dan The Last Pope akan dilantik dan memerintah dari sana!

Paus Roman Peter ii itu kemungkinan besar adalah Al-Masih DAJJAL, kerana dia akan memerintah dari Baitul Muqaddis = Jerusalem dan dirantai sejak sekian lama.

The Bible apparently indicates that very near the end of time, the Pope will actually quit Rome, And move to Jerusalem, in order to exercise control over the glorious holy mountain of God, Which is the explicit stated goal of Satan.

Mungkin sesetengah penganut Kristian menganggap Vatican akan

menyelamatkan mereka dari Antichrist. Tunggu dulu, perhatikan lambang salib di belakang Pope dalam gambar di bawah. Salib Terbalik yang melambangkan Antichrist = Al-Masih DAJJAL itu sendiri!

AKU: tadi pak cik cakap pekerjaan Paus Benedict xvi dah nak selesai.. Apa yang dia dah buat?... kenapa ada orang ganti dia... apasal tak terus lead sampai kiamat jer?

BISHOP: paus sudah tua, jasad manusia ada usia tetapi jiwa tiada usia, jiwa boleh diserahkan pada jasad yang masih hidup.... Tiada masalah bagi mana2 paus, jika jasad mereka mati, jiwa mereka akan disambung oleh Paus yang seterusnya

Paus Pius xii yang terdahulu telah melahirkan seorang hamba "hamba yang telah diberikan oleh Paus 1 kuasa yang akan menemui sesiapa sahaja". Seseorang hamba yang akan menemui kamu tanpa jasad Paus di depan kamu, hamba ini akan pergi ke setiap manusia yang bernyawa ... ya... begitu pantas ia datang apabila bayi-bayi baru saja keluar dari rahim ibunya, selepas itu hamba ini akan mengikut sehingga sejauh mana usia bayi2 itu ... dan hamba ini buta, ia tidak mempunyai rupa, ia juga tidak mempunyai nama....

AKU: siapa hamba yang Paus Pius xii lahirkan tu?... ni pasal orang ke apa?

BISHOP: Paus Pius xii pernah berkata "siapakah jasad tanpa jiwa dan siapakah jiwa tanpa jasad"

Pekerjaan para Paus telah membuatkan lidah2 manusia berkata "pecah dan perintah"... "pecah dan perintah"... telah diajar kpd kamu dengan perbezaan warna kulit, padahal kami menghasilkan ianya lebih halus lagi..... "pecah dan perintah"... ke atas warna kulit kamu sudah dilakukan dengan meletakkan suatu kaum di suatu wilayah yang kamu kata ia "negara" ...selepas itu "pecah dan perintah"... ke atas hati-hati kamu pula... sungguh menakjubkan sehingga hari ini kamu masih

memahami ia sebagai perbezaan warna kulit.

Selain sahabat2 Nabi Muhammad, hanya kami sahaja yang mengerti apa itu “demi tuhan yang jiwa Muhammad di tangan-Nya” sekarang ini ia telah menjadi “demi tuhan yang jiwa2 manusia di tangan Paus”. Nabi Muhammad sungguh bijaksana.. Nabi Muhammad hanya membenarkan wujud hubungan tuhan dan makhluknya, rasul dan umatnya, raja dan rakyatnya, ibubapa dan anaknya.. tidak wujud hubungan lain..

Kami telah mewujudkan pelbagai hubungan manusia dgn watak kehidupan palsu, contohnya sebuah perniagaan yang perlu ada orang yang bernama pengarah, timbalan, setiausaha, eksekutif dan lain-lain...

Perbezaan watak inilah yang akan “**pecah dan perintah**”... hati-hati kamu bodoh benar orang2 Islam, tidakkah mereka terfikir mengapa watak2 ini tidak wujud semasa zaman Nabi Muhammad dahulu ???... Dan kamu juga diajar supaya merasa diri sbg kaum yang bodoh, sekiranya tidak wujud semua watak2 itu dalam kehidupan kamu...

AKU: nanti kejap pak cik... Adakah ini yang dikatakan “hamba” Paus ... takda sebarang symbol pun seperti sebelum ni...

BISHOP: ada... Para paus telah menamakan “hamba” sebagai “Benedictine Order” ya.. Benedictine Order ... Ia sangat persis untuk mengetahui jiwa2 manusia sama ada mereka akan menyembah tuhan Nabi Muhammad atau menyembah Lucifer ~ Iblis..

AKU: laaa... ingatk n orang tadi... Benedictine order... order... adakah ia suatu seperti peraturan atau undang2??

BISHOP: Benedictine Order adalah segala perkara di dunia ini yang tertulis di atas kertas, Kemudian kamu akan mengatakan ia sebagai ilmu, Maka terjadilah diri kamu seperti hari ini... Bukan mudah nak membuatkan kamu menerima ia sebagai ilmu...

AKU: kenapa pak cik perlu buatkan kami menerima ia sebagai

ilmu?

BISHOP: sebab ilmu itu sebenarnya adalah undang-undang... Ilmu adalah undang2 untuk jiwa kamu, dan undang-undang bertulis yang ada di dunia ini masih lg sbg undang2 tetapi ia untuk jasad kamu. Contohnya ilmu "sains".. Knp ia diajar kpd kamu dalam bentuk ia sbg ilmu???... dan bukan ia diajar dalam bentuk undang2???..... sudah pasti kamu tidak mahu belajar sebab kamu akan lihat ia sebagai suatu paksaan..

Para Paus telah amanahkan "Benedictine Order" ini kepada United Nation (UN)...



AKU: UNITED NATION (UN)!!!... PERSATUAN BANGSA-BANGSA BERSATU !!!!!..... Gila ke apa dunia ni??? Mengarut lah pak cik PBB kn selalu buat kebajikan? Tolong negara miskin dan jadi rujukan mana2 masalah negara2 dunia ni... Pak cik jangan cakap sembarangan..

BISHOP: "Benedictine Order is symbolize by the olive wheat and grain"... dan kamu lihat UN menggunakan simbol Benedictine Dan para Paus telah membina perjuangan yang akan diselesaikan oleh Paus yang akan datang....

(perasan jugak aku yang logo PBB tuh memang ada symbol Benedictine ... planet bumi dekat dalam, di luarnya ada symbol mengelilingi bumi tu macam padi, bentuk gandum pun ada, macam daun zaitun pun ada... tapi ada 2, kanan dan kiri)

Saya tahu apabila kamu mendengar united nation... di fikiran kamu akan terbayang suatu kuasa besar... dari sebesar-besar undang2 sehingga sekecil-kecil undang2 dilaksanakan,

Pertama kali Benedictine Order dtg kpd kamu apabila kamu lahir saja, kena daftar sijil lahir, sehinggalah kamu mati kena daftar sijil mati.. Maka Benedictine Order terpisah dari kamu... Tidak kiralah...

Undang2 jenayah,
Undang2 ekonomi,
Undang2 jalan raya sekalipun...

Apa sahaja di dunia ini yang namanya undang-undang ia adalah Benedictine Order

AKU: ah...tak mungkin la pak cik... bukan ke setiap negara ada peruntukan dan menggubal undang2 sendiri???. Macamana pak cik kata semua undang2 dekat dunia ni milik gereja???

BISHOP: saya tidak menipu kamu.... Lihat saja di mana2 negara sekalipun, pada bendera, jata, mahkamah, perlembagaan dan apa saja yang seumpamanya mereka semuanya memakai simbol Benedictine 'cantus' dan Benedictine macam adik-beradik, mereka tidak boleh dipisahkan...

AKU: undang-undang untuk jiwa???. Kalau Benedictine Order untuk undang2 jasad manusia dah ada symbol pada jata, bendera, perlembagaan semua tu... Benedictine Order untuk undang2 jiwa manusia apa pulak???

BISHOP: ini adalah yang berat sekali bagi kamu... katakanlah pada saya yang kamu tidak ingin mengetahuinya..

AKU: tak kisah la hati saya pedih menerimanya.. Pak cik cakap je la..

BISHOP: Nabi Muhammad dan sahabat2nya tidak membenarkan ilmu, sesuatu yang memberikan harga kepada diri sendiri... maka kami hasilkan perkara2 yang berlawanan dgn Nabi Muhammad dan sahabat2nya setiap perkara yang kamu lalui sehari-harian akan membentuk jiwa2 kamu...

Semasa kamu kanak2... kamu diajar menggunakan pancaindera... kamu diajar bagaimana sesuatu ilmu itu akan meresap di otak kamu.. Kamu diajar membaca, menulis, mengira, mewarna, bermain, berlari.. Selepas itu kamu akan ditanya "bila dah besar nanti nak jadi apa?"

Apa cita-cita kamu nanti?"... kamu diajar supaya menjawab "bila saya dah besar saya nak jadi doktor, cita-cita saya menjadi peguam.. Dan sebagainya"...

Perbezaan jiwa belum wujud tetapi fungsi2 watak sudah kamu fahami selepas itu kamu akan diajar fungsi-fungsi ilmu, bagaimana setiap ilmu akan bertindak mengikut maknanya sendiri... kamu merasa kagum dan percaya ilmu.

Selepas itu kamu akan dipisahkan dengan orang lain.. Kamu diajar untuk menilai "pelajar pandai" dan "pelajar bodoh"... Pelajar pandai mendapat pujian, pelajar bodoh dimarahi oleh ibu mereka..

Ini adalah asas untuk memecah belahkan kamu... tetapi kamu diajar "perpaduan antara kaum" supaya kamu percaya warna kulit menyebabkan perpecahan.. Padahal perbezaan ilmu adalah senjata.. Ilmu yang berbeza maka pekejaan kamu berbeza... maka berbezalah duit kamu, rumah kamu, perhiasan kamu, maruah kamu...

Selepas itu kamu diajar "miskin kaya tiada beza sama sahaja"... maka lupalah kamu bagaimana ia bermula pelbagai masalah kehidupan direka, supaya pelbagai penyelesaian dapat direka,

Pelbagai penyelesaian direka supaya pelbagai ilmu dapat direka, pelbagai ilmu direka supaya pelbagai pekerjaan dapat direka, pelbagai pekerjaan direka supaya pelbagai taraf kehidupan dapat direka, pelbagai taraf kehidupan direka supaya pelbagai jiwa manusia dapat direka, pelbagai jiwa manusia direka supaya pelbagai maruah dapat direka, pelbagai maruah direka supaya pelbagai cara diri mereka akan dibeli ...

Maruah yang akan mengkafirkan semua orang Islam, mereka yang kafir sememangnya telah kafir..

(patutlah kadang2 aku tgk kat hotel2, orang Islam yang kononnya smart, dengan selamba minum arak, maksudnya diorang ni sebenarnya dah kafir la ye ? Kalau yang dah kafir tu

memang takde orang peduli pun sebab mereka sememangnya begitu. Maknanya..... kalau perempuan Islam yang sengaja tak pakai tudung, agak2 tarafnya apa ?)

AKU: peh...!!... teliti betul pekerjaan orang2 pak cik, tapi kan bagaimana 'maruah' boleh mengkafirkan orang2 Islam ????. Apa buktinya ??? Bukanya kami takda otak nak menilai macamana sesuatu keadaan itu utk dinilai sebagai kafir...

BISHOP: Benedictine Order telah berkuasa terhadap semua manusia di planet ini, tiada siapa dapat melarikan diri... malah manusia berebut2 memilikinya.. Mereka sangat menyayangi diri sendiri, malah mereka akan mempertahankan maruah ini dengan apa cara sekalipun... kami x perlu buat apa2 pun.. Percayalah seperti 'cantus'... kami juga memberikan pakaian yang indah kepada mereka ini... mereka benar2 sukakannya.. Malah jika Paus berkata kpd mereka "pakaian ini adalah khidmat kamu kpd ku"... mereka akan menafikannya !!!... bagaimanakah Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) dapat menyelamatkan mereka sedangkan Paus sendiri sudah mengatakan kebenaran???



AKU: sedangkan Paus sendiri mengakui cakap macam tu dan dorang tak layan... apatah lagi Al-Masih Mahdi !... dunia betul2 mahu kiamat.. Apa pakaian yang mereka pakai sampai dahsyat macam ni jadinya ???

BISHOP: ...mereka adalah orang2 yang memakai.. "tie" itulah simbol "Benedictine Order".. Bukan itu saja..apa saja "pekerjaan manusia yang didatangkan dengan pakaiannya" adalah Benedictine Order !! ..mereka orang yang kamu kata sbg "golongan profesional", "kolar putih dan kolar biru, "pakaian formal dan pakaian seragam"... semuanya berkhidmat untuk Benedictine Order

Lihat saja pakaian pelajar sekolah, doktor, ahli perniagaan.. Mereka semua sama sahaja.. Walaupun pakaian di antara mereka

berbeza tetapi fungsi mereka sama saja... Benedictine Order mereka semuanya tidak menyedari bahawa mereka sendiri menjayakan Benedictine Order ... semua manusia benar2 telah dikuasai gereja..

AKU: pelik bin ajaib!!!... Apa yang telah berlaku sehingga berbilion2 orang telah bekhidmat untuk Paus??!!!

BISHOP: dulu dari kampung kamu, Malaysia ada pemimpin kamu yang telah memerintah selama 20 tahun diundang menemui Paus John Paul ii, dan pemimpin kamu telah ditanya tentang pencapaian Benedictine Order di sana

Paus John Paul ii sangat gembira dengan pemimpin kamu yang sukakan orang2 jepun... "dasar pandang ke timur"... dia selalu mengulang-ulang ayat ini kpd Paus John Paul ii. Sebab itulah mengapa orang2 Islam sengaja dicabar ilmu ini ilmu itu, mundur ini dan mundur itu, maju ini dan maju itu...

Org2 kafir sengaja dimajukan supaya orang Islam tersepit dan membuatkan orang2 Islam merasa "Benedictine Order" suatu keperluan hidup... orang2 Islam tidak menyedarinya bahawa mereka bersaing untuk Benedictine Order.. Saya seorg bishop harus tau kata2 orang Islam yang terkenal spt "berjaya di dunia dan akhirat", "menjadi seorg Islam yang cemerlang"... semua dirancang supaya ia meyakinkan kamu tanpa kami suruh anda berkata spt itu...



AKU: jadi... Benedictine Order ni sudah berjaya ke belum???... Kalau ia sudah berjaya kenapa orang Islam sekarang ni masih mampu mengucap Syahadah ???

BISHOP: sebenarnya ia telah dirancang 1000 tahun dahulu, semasa zaman seorg paderi yang bernama St. Malachy...

Vatican telah merancang bahawa Paus yang ke-111 akan memikul suatu pekerjaan.. Maka Kardinal Joseph Ratzinger semasa

ditabalkan sebagai Paus yang ke-111, dia diberi nama "Paus Benedict xvi" Paus terakhir menggunakan nama "Benedict"... Dia Paus yang akan meraikan kejayaan "Benedictine Order" ... kejayaan ini dinamakan sebagai "glory of the olive"...ya...simbol Benedictine

Apa yang Islam sedang perjuangkan??..... bodoh benar orang2 Islam... sungguh menakjubkan!!! Pengikut Nabi Muhammad seabodoh ini....

AKU: kalau macam ni la keadaanya... orang2 kafir lagi bodoh sebab dia orang lagi maju... tapi pasti ada orang2 Islam yang akan lawan Benedictine Order..

BISHOP: mahukah kamu tahu mengapa Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) akan kelihatan spt orang jahat, spt yang saya katakan sebelum ini???? Sebab dia menentang Benedictine Order !!!

Ya, setelah umat Islam sendiri mengakui bahawa pekerjaan mereka mendatangkan keselesaan hidup dan mereka berkata "ilmu2 ini dari cendekiawan Islam dahulu, dan lihatlah kawan2ku inilah nikmat Islam" sebab itulah umat Islam diumpam supaya mereka mempertahankan ilmu2 ini bahawa ia lahir dari sarjana2 Islam.... Padahal kami telah mengubah suai ilmu ini sebelum penjajah mengajarkannya kpd kamu

Apabila Paus Roman Peter ii muncul nanti, umat Islam akan dituduh oleh orang2 kafir bahawa ilmu2 kepunyaan Islam lah yang membawa kerosakan kpd diri mereka.... Orang2 Islam akan dibunuh habis-habisan oleh orang kafir.. Gereja x perlu buat apa pun...

Adakah orang2 Islam yang dikatakan "umat Islam cemerlang" akan meninggalkan semua "kecemerlangan" mereka ketika Muhammad ke-2 (Al-Masih Mahdi) datang untuk mencabut kecemerlangan palsu mereka... saya fikir tidak !!!

Mereka akan mempertahankan "Benedictine Order"....

Saya izinkan untuk kamu cerita perkara ini kpd orang2 Islam....
Kamu akan lihat mereka akan berkata "kamu dan cerita kamu semuanya tipu belaka"

AKU: sapa yang akan kata macam tu pada saya???

BISHOP: MEREKA SEMUANYA...

Luahan Peribadi: (Cantus dan Benedictine...macam adik beradik, mereka tidak boleh dipisahkan, apsal dia kata tak boleh dipisahkan ek.. Lupa pulak aku nak tnya dier. Seingat aku satu2 nyer pemimpin kita yang prnh jumpa paus john paul ii adalah Dr. Mahathir... Ya.. Sebelum dia letak jawatan, dasar pandang ke timur, 20 tahun perintah... dia la... sanggup ke kalau korg bakar sijil, diploma and ijazah kehormat korg???. Benedictine Order smua tu...

Takda beza pun klu korang tak pakai tali leher, seluar slack dan kemeja... keje tetapi sama,... tak buat kerja tak dapat gaji, macamana nak bagi anak bini makan?... perangkap maut !!!)

Bahagian ini juga amat menarik. Sekali lagi Bishop tersebut menyebutkan tentang Pope Roman Peter II yang akan muncul selepas 111th Pope iaitu Pope Benedict sekarang dan tentang Benedictine Order.

Apabila Paus Roman Peter ii muncul nanti, umat Islam akan dituduh oleh orang2 kafir bahawa ilmu2 kepunyaan Islam lah yang membawa kerosakan kpd diri mereka.... Orang2 Islam akan dibunuh habis-habisan oleh orang kafir.. Gereja x perlu buat apa pun...

BISHOP: "Benedictine Order is symbolize by the olive wheat and grain"... dan kamu lihat UN menggunakan simbol Benedictine
Dan para Paus telah membina perjuangan yang akan diselesaikan oleh Paus yang akan datang....



UN

Lambang UN itu sendiri adalah Olive Wheat And Grain. Adakah Bishop ini sengaja mereka cerita tentang UN ini? Oh, tidak. UN adalah antara pelan mereka untuk mewujudkan One World Government tidak lama lagi.

Masih ingat lagi slogan 1 Israel ?

Masih ingat lagi slogan 1 Singapore ?

Masih ingat lagi slogan 1 Malaysia ?

BISHOP: dulu dari kampung kamu, Malaysia ada pemimpin kamu yang telah memerintah selama 20 tahun diundang menemui Paus John Paul ii, dan pemimpin kamu telah ditanya tentang pencapaian Benedictine Order di sana. Paus John Paul ii sangat gembira dengan pemimpin kamu yang sukakan orang2 jepun..."dasar pandang ke timur"... dia selalu mengulang-ulang ayat ini kpd Paus John Paul ii.

Ramai orang menuntut ilmu kerana pangkat dan kedudukan. Ini adalah salah satu tanda kiamat.

Keadaan ini bertepatan dengan situasi sekarang, orang menuntut ilmu kerana mahu mengejar pangkat, kedudukan harta ! Bertepatan dengan kata-kata Bishop tersebut di bawah.

BISHOP: Benedictine Order telah berkuasa terhadap semua manusia di planet ini, tiada siapa dapat melarikan diri... malah manusia berebut2 memilikinya.. Mereka sangat menyayangi diri sendiri, malah mereka akan mempertahankan maruah ini dengan apa cara sekalipun...

Kami x perlu buat apa2 pun.. Percayalah seperti 'cantus'... kami juga memberikan pakaian yang indah kepada mereka ini... mereka benar2 sukakannya..

Bishop itu juga tidak kisah rahsia sebegini disebar kerana dia tahu ramai antara kita tidak percaya dengan semua ini. Ada beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak percaya, antaranya ialah minda mereka terlalu lama terpenjara oleh

Sistem Al-Masih Dajal.

BISHOP: Saya izinkan untuk kamu cerita perkara ini kpd orang2 Islam.... Kamu akan lihat mereka akan berkata kpd kamu "kamu dan cerita kamu semuanya tipu belaka"

Dialog Temubual (Bahagian 3/3):

BISHOP: sudah lama kamu tidak kelihatan, ke mana kamu telah pergi.. Pak cik kamu ni kesunyian...

AKU: saya pergi balik kampung sekejap... ada hal sikit...

BISHOP: hmmm.... Buat persiapan ke...

(terkedu tekak aku bile dia kata macam tu)

